

AKTA POLIS

oleh :

Encik Kieran Luke Lamudin

(LL.B. Hons.)

Pegawai Undang-Undang

JPBNS

AKTA POLIS

- Suatu Akta berhubung dengan organisasi, disiplin, kuasa-kuasa dan tugas Polis Diraja Malaysia dan perkara-perkara yang bersampingan dengannya.
- Akta ini terpakai diseluruh Malaysia.

Tafsiran – Seksyen 2

'Ketua Pegawai Polis' erti seseorang pegawai polis yg diberi kuasa oleh Ketua Polis Negara mengawal Polis Diraja Malaysia mengenai mana-mana kawasan atau Negeri di bawah seksyen 6 dan yg ditetapkan sebagai demikian oleh ketua Polis Negara.

'Konstabel' ertinya seseorang pegawai polis yang berpangkat rendah daripada Koperal dan termasuk seseorang Rekrut.

'Pegawai kanan Polis' ertinya seseorang pegawai polis drp apa2 pangkat dan termasuk Ketua Polis Negara ke bawah hingga dan termasuk seseorang Inspektor dlm percubaan.

'Pegawai Polis' ertinya seseorang anggota Polis Diraja Malaysia.

'Pegawai rendah polis' erti seseorang pegawai polis drp apa2 pangkat dari dan termasuk seseorang Sub-Inspektor ke bawah hingga dan termasuk seseorang Koperal.

1. Terangkan terma2 berikut:

a) Watch Constables (Konstabel penjaga) Sek. 9

a) Pegawai Polis tambahan (Extra Polis officers) Sek. 8 1994

Seksyen 8-Pegawai Polis Tambahan

- Ketua Pegawai Polis dengan kelulusan KPN boleh melantik seseorang utk berkhidmat sebagai Pegawai-Pegawai Polis tambahan bagi Pangkat Sarjan Mejar atau kebawah.
- Pegawai Polis tambahan boleh dilepaskan atau boleh meletakan jawatan dengan memberi satu bulan notis oleh atau kpd Ketua Pegawai Polis.

- Seseorang Pegawai Polis tambahan mempunyai semua kuasa dan keistimewaan sebagai seseorang anggota pasukan yg sama pangkat dan hendaklah mematuhi arahan yg sah dari masa ke semasa drp Pegawai2 atasannya.
- Lazimnya Pegawai2 polis tambahan dikehendaki membuat tugas2 am seperti seorang anggota pasukan.

Seksyen 9

- Seorang konstabel diambil kerja bagi melaksanakan sesuatu tugas yg dikhaskan.
- Biasanya konstabel penjaga diambil kerja setelah seseorang `pemohon' membuat permohonan kpd ketua pegawai Polis utk mengambil seseorang konstabel bagi membuat tugas2 spesifik.
- Permohonan itu harus mendapat kelulusan KPN.

- Konstabel Penjaga sedemikian hendaklah diambil kerja dgn perbelanjaan pemohon dimana ia hendaklah menyediakan tempat penginapan dan makanan utk konstabel Penjaga tersebut.
- Seseorang pemohon juga dikehendaki membayar kos pakaian seragam yg dibekalkan kpd konstabel penjaga.

- Pemohon boleh dgn memberi notis sebulan kpd ketua pegawai Polis untuk menamatkan perkhidmatan seseorang konstabel pengawal daripada menjalankan tugas2 khas tersebut.
- Seseorang konstabel penjaga mempunyai kuasa dan keistimewaaan yg sama sebagai seorang konstabel pasukan serta tertakluk kpd disiplin yg sama seperti seorang konstabel Pasukan.

2. Apakah tugas2 am pegawai-pegawai Polis dibawah Akta Polis 1967?

Soalan Tahun

1994,1995,1996,2000,2006

Seksyen 20-Tugas-Tugas am pegawai polis

- Menangkap semua orang yg melakukan kesalahan mengikut undang2 yang sah
- Memproses risikan keselamatan.
- Menjalankan pendakwaan
- Memberi bantuan dlm melaksanakan undang2 berhubung dgn hasil, eksais, kebersihan, kuarantin, Imigresen dan pendaftaran.

- Memberi bantuan dlm mengekalkan ketenteraman dipelabuhanan dan lapangan terbang serta menguat kuasakan peraturan² kelautan dan pelabuhan.
- Melaksanakan saman, sepina, waran, perintah memenjara dan proses lain yg dikeluarkan oleh pihak berkuasa kompeten.
- Mempamerkan maklumat.
- Melindungi harta yg tidak dituntut dan mencari pemiliknya

- Menyita binatang2 yg berkeliaran dan menempatkan dlm kandang awam.
- Memberi bantuan dlm melindungi nyawa dan harta
- Melindungi harta awam drp hilang atau rusak
- Menjaga ketenteraman didlm mahkamah.

- Mengiringi dan menjaga banduan2 dan orang2 lain yg ada didlm jagaan Polis.
- Mematuhi semua arahan yg sah dari masa ke semasa sepertimana yg diterima drp pegawai atasan dlm pasukan.

3. Semasa memandu ke pejabatnya diwaktu pagi, Ahad telah ditahan seorang Pegawai Polis yg menyuruh beliau meletakkan keretanya ditepi jalanraya utk membolehkan kanak2 sekolah menyeberang jalanraya itu.

Ahad tidak mengendahkan arahan pegawai Polis itu dan memandu terus. Adakah Ahad melakukan kesalahan dibawah Akta Polis?

(2003,2006)

Seksyen 21-Tugas Pegawai Polis di jalan awam

- Adalah tugas seseorang pegawai Polis utk mengaturkan, mengawal dan melencongkan mana2 lalulintas.
- Selain itu, ia juga harus menjaga ketenteraman di jalan awam, lorong, jalan tembus, dan tempat2 kunjungan awam yg lain serta mengawal jalanraya yg sesak.

- Sesiapa yg menghalang, membantah atau ingkar menurut apa2 arahan yg munasabah yg diberi oleh mana2 Pegawai Polis dlm menjalankan tugas – tugasnya.
- Perkara ini adalah dianggap sebagai melakukan sesuatu kesalahan dibawah Akta Polis dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM200 atau penjara tidak lebih 3 bulan atau kedua-duanya.

- Berdasarkan fakta dlm soalan ini ialah samada, semasa memandu ke pejabatnya pada waktu pagi, Ahmad yg telah ditahan oleh seorang Pegawai Polis yg kemudiannya meminta beliau meletakkan keretanya di tepi jalanraya bagi membolehkan kanak2 sekolah melintas jalanraya itu.

Namun, keengganan mematuhi arahan Polis dianggap sebagai melakukan kesalahan dibawah Akta Polis.

- Isu utama disini adalah samada arahan pegawai Polis kepada Ahad utk meletakkan keretanya ditepi jalanraya boleh dianggap sebagai arahan yg munasabah?
- Sekiranya situasi di sekitar jalanraya disekolah tersebut terlalu sesak sehingga ada kenderaan2 yg menghalang lalulintas dikawasan tersebut. Maka, bolehlah dikatakan bahawa arahan oleh pegawai Polis kpd Ahad utk meletakkan keretanya ditepi jalanraya utk sementara waktu itu adalah munasabah.

- Tetapi sekiranya lalulintas dikawasan sekolah tersebut tidak begitu sibuk memadailah seseorang Pegawai Polis utk memberhentikan kereta Ahad dijalanraya utk membolehkan kanak2 sekolah menyeberang jalanraya itu.
- Sekiranya Ahad tidak mengendahkan arahan dari Pegawai Polis dan memandu terus, Ahad telah melakukan kesalahan dibawah **Sekysen 21(3) A P 67.**

- Berdasarkan fakta didalam soalan ini tidak menjelaskan suasana ataupun keadaan dijalanraya berhampiran dgn sekolah tersebut dimana kanak2 sekolah menyeberang jalanraya itu.
- Walaubagaimanapun boleh dianggap bahawa diwaktu pagi, lazimnya jalanraya disekitar kawasan sekolah itu terlalu sesak dan seandainya Ahad tidak mengendahkan arahan Pegawai Polis utk meletakkan keretanya ditepi jalanraya maka ia melakukan sesuatu kesalahan dibawah **Sekysen 21(2) A P 67.**

4. Rosman, seorang Pegawai Polis yg baru dilantik telah diarahkan utk menjaga harta alih yg tidak dituntut termasuk yg mudah rosak keadaannya. Rosman kurang pasti akan prosedur yg berkaitan dgn penjagaan dan pelupusan harta2 tersebut. Nasihatkan dia selaras dengan Akta Polis .
(2002)

Sekysen 22-Harta yg tidak dituntut.

- Adalah menjadi tugas Pegawai Polis utk menjaga harta alih yg tidak dituntut kerana diberikan oleh mana2 orang kpd nya ataupun dijumpai oleh mereka.
- Pegawai Polis itu kemudian harus menyerahkan harta alih itu kpd Pegawai Yg Menjaga Balai Polis.
- Kemudian suatu notis harus ditampal ditempat yg mudah dilihat dibalai Polis tentang harta-alih tersebut serta meminta sesiapa yg berhak ke atas harta alih itu supaya membuat tuntutan ke atas harta tersebut dlm tempoh 2 bulan dari tarikh notis itu dan hendaklah membuktikan tuntutannya itu.

- Sekiranya harta itu adalah merupakan jenis yg mudah musnah maka pegawai yg menjaga boleh menjual harta itu dgn segera dan menyerahkan wang setelah ditolak perbelanjaan dlm menguruskan jualan itu kpd Pegawai Penjaga Daerah Polis.
- Wang tersebut hendaklah dibayar kpd orang yg berhak keatas harta mudah rosak dalam tempoh 2 bulan selepas dia membuktikan tuntutananya.

- Mana2 harta alih yg tidak dituntut dlm tempoh 2 bulan boleh dijual atau dilupuskan atau dimusnahkan mengikut arahan Pegawai Memerintah.
- Hasil dari jualan harta alih atau mudah rosak hendaklah dibahagikan seperti berikut:
 1. Apa2 bhg boleh dibayar kpd orang yg menjumpai barang itu.
 2. RM50 pertama dibayar kpd Kumpulan wang Polis dan lebihan dimasukkan sebagai hasil am kerajaan.

- Akhir sekali Pegawai Polis tidak boleh membeli mana2 harta yg dijual dibawah sekysen ini dan mereka yg melanggar peraturan larangan ini adalah melakukan suatu kesalahan yg boleh dikenakan tindakan disiplin.

- 5.a) Sebuah pesawat DCB telah mendarat di Sabah secara tiba-tiba dan pihak Polis mengesyaki bahawa pesawat tersebut membawa beberapa senjata haram. Di bawah Akta Polis, bolehkah pihak polis menahan dan menggeledah pesawat tersebut ?
- b) Dlm keadaan2 bagaimanakah Polis boleh membuat penggeledahan tanpa waran ?
(2000)

Seksyen 25-Kuasa utk menahan dan memeriksa pesawat udara.

- Pegawai kanan Polis berpangkat dari KPN sehingga Inspektor (S 2(1) AP 67) boleh memeriksa mana2 lapangan terbang atau mana2 tempat dlm Malaysia menahan dan tanpa waran memeriksa mana2 pesawat udara yg bergerak dilapangan terbang kecuali pesawat udara yg dimiliki oleh kerajaan Malaysia ataupun oleh Kerajaan asing.

- Begitu juga seseorang Pegawai Polis Kanan boleh memerintah pesawat udara itu berhenti atau mendarat di mana2 lapangan terbang ataupun ditempat yg sesuai bagi tujuan membuat pemeriksaan terhadap kapal terbang itu tanpa waran.
- Kuasa yg diperuntukkan kpd Pegawai Polis Kanan di bawah seksyen ini tidak boleh dijalankan kecuali dia mempunyai alasan2 yg munasabah serta mempercayai bhw pesawat udara itu digunakan dlm melakukan sesuatu kesalahan yg boleh ditangkap.

- Tempoh tahanan itu tidak melebihi 48 jam.
- Kalau prosiding di Mahkamah telah dimulakan maka tahanan kapal pesawat itu dibuat sehingga keputusan muktamad Mahkamah dibuat.(S 24(4) AP 67)
- Pesawat itu boleh dilepaskan sekiranya OCPD berpuas hati bahawa pemiliknya akan menghadiri perbicaraan di Mahkamah dan ia harus menyempurnakan satu bon atau menandatangani satu sekuriti utk tujuan tersebut.

- Menurut fakta dlm soalan, pesawat DCB yg mendarat di Sabah secara tiba2 dan dipercayai bhw pesawat tersebut membawa beberapa senjata haram.
- Jadi persoalan disini adalah samada satu kesalahan telah dilakukan oleh pemilik pesawat udara itu ?
- Sila lihat Akta Senjata Api 1960- satu kesalahan dibawah **S 51 AS 60**

- Maka sekiranya pihak Polis mendapati maklumat2 melalui risikan dan sumber2 maklumat yg diberi adalah drp pihak2 yg berwibawa maka pihak polis boleh menahan dan mengeledah pesawat tersebut.
- Dlm hal keadaan ini pihak Polis mempunyai alasan2 yg munasabah bagi mengeledah dan menahan pesawat tersebut.

b) Dlm keadaan2 bagaimana Polis boleh membuat pengeledahan tanpa waran?

- Pihak Polis boleh membuat pengeledahan tanpa waran terhadap mana2 kenderaan ataupun Vessel yg disyakinya atas alasan2 yg munasabah sedang digunakan dlm melakukan satu kesalahan terhadap mana2 undang2 yg berkuatkuasa- (S 24(b) AP 67

- Seseorang Pegawai Kanan Polis boleh membuat pengeledahan tanpa waran terhadap mana2 pesawat udara yg berada dilapangan terbang ataupun berada di tempat yg lain dlm Malaysia.
- Begitu juga dgn memerintah pesawat udara dlm penerbangan di angkasa Malaysia utk mendarat lalu memeriksa pesawat itu jika disyaki digunakan utk melakukan sesuatu kesalahan yg boleh di tangkap

- Dlm KAJ terdapat 2 jenis geledahan diperuntukan yaitu tentang pengeledahan tubuh badan seseorang atau tentang pengeledahan tempat menurut S 20 KAJ
- Hanya seorang pegawai Polis yg boleh menjalankan geledahan itu.
- Pengeledahan tempat boleh dijalankan dengan ataupun tanpa waran bergantung kpd keadaan.
- Dlm KAJ,geledahan boleh dijalankan tanpa waran dlm keadaan2 yg diperuntukan dlm S62, 62A, 62B dan 63 KAJ

7. Encik Hamid seorang pegawai Polis yg baru dilantik telah diarahkan utk membuat sekatan jalanraya utk menahan kenderaan2 yg disyaki terlibat dgn penyeludupan minuman keras. Encik Hamid kurang pasti akan kuasanya utk menunaikan arahan tersebut. Nasihat Encik Hamid kuasa yg diperuntukkan dibawah Akta Polis 67.

(1999,2005)

- Encik Hamid harus dimaklumkan tentang kuasa dan tugasnya sebagai Pegawai Polis secara umum berkenaan tugas dijalanraya awam sepertimana dibawah peruntukan Seksyen 21 AP 67.
- Adalah menjadi tugas seseorang Pegawai Polis utk mengatur, mengawal, menjaga ketenteraman dijalanraya awam dan mencegah halangan2 kenderaan dijalanraya yg mungkin mengakibatkan kesesakan jalanraya

- Bacaan terhadap Seksyen 21 AP 67 tidak harus diberi intrepretasi ketat malah harus ditafsirkan secara liberal. Oleh itu menjaga ketenteraman dijalan awam harus diberi makna termasuk mencegah mana2 orang yg menggunakan jalanraya itu drp melakukan sesuatu jenayah bertentangan dgn sesuatu undang2 yg sedang berkuatkuasa.

- Encik Hamid juga seharusnya dinasihatkan bahawa ada peruntukan khas di Seksyen 24(1) A P 67 dimana seseorang anggota Polis boleh memberhentikan dan memeriksa mana2 kenderaan yg disyaki atas alasan2 yg munasabah bhw kenderaan itu sedang digunakan utk melakukan satu kesalahan terhadap mana2 undang2 yg berkuatkuasa.

- Untuk mendirikan ataupun meletakkan sekatan2 dimana2 jalan awam harus dilakukan oleh mana2 Pegawai Polis seperti Encik Hamid boleh mengambil apa2 langkah yg munasabah utk mencegah penyeludupan minuman keras dimana ia merupakan satu kesalahan dibawah Seksyen 135(1) Akta Kastam 67.

8. Perlihatkan tentang kuasa2 dan tanggungjawab Pegawai Polis dlm :

a) Mengawal dan mengawal selia trafik

Seksyen 21-Tugas di jalan awam

- A) Kuasa dan tanggungjawab Pegawai Polis dlm mengawal dan mengawal selia trafik telah diperuntukan dlm Seksyen 21(1) (a),(b),(c) dan subseksyen (2) AP 67.
- Seseorang Pegawai Polis jika perlu boleh mengatur, mengawal serta melencongkan mana2 lalulintas sekiranya diperlukan.
- Selain itu tanggungjawab ketenteraman dijalanraya awam, lorong, tempat kunjungn awam serta lain2 akses awam terletak dibahunya.

- Pihak Polis juga mempunyai kuasa utk mengawal selia trafik ketika sesuatu perhimpunan dan perarakan yg diadakan di jalan-jalan awam serta mengawal trafik di terminal2 pendaratan feri.
- Seseorang yg menghalang, membantah, atau ingkar mendengar arahan2 anggota Polis seketika mengawal selia trafik melakukan satu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak lebih RM200 atau hukuman penjara tidak melebihi 3 bulan atau kedua-duanya sekali.
- Sek. 21(2) A.P 1967.

9. Apakah erti frasa 'tangkap tanpa waran'?
Jelaskan dgn merujuk kpd peruntukan
Akta Polis 1967.
(1997)

- 'Tangkap tanpa waran' ertinya sesuatu tangkapan dilakukan tanpa mendapatkan perintah Mahkamah.
- Seksyen 91 AP 67 memperuntukan bahawa seorang Pegawai Polis boleh membuat tangkapan tanpa waran terhadap mana2 orang yg melanggar atau disyaki melakukan kesalahan2 seperti berikut:

1. Tidak mematuhi perintah berkurung dan berada diluar rumah pada waktu2 yg ditetapkan semasa perintah berkurung dikuatkuasakan- S 31 A P 67
2. Pegawai Polis yg tidak hadir bertugas selama 21 hari berterusan dan bertujuan tidak akan kembali bertugas - S 86(1)A P 67

- Mana2 Pegawai Polis yg menyebabkan, mengapikan, masuk serta dlm dahagi, penderhakaan dlm pasukan atau berkomplot utk dahagi atau menderhaka serta tidak memberi maklumat sedemikian kpd Pegawai atasan boleh di tangkap tanpa waran: S 87 A P 67
- Seorang yg bukan Pegawai Polis yg mendapati memiliki peralatan2 yg dibekalkan kpd Pegawai Polis atau tanpa kebenaran membuat, menjual atau membekalkan atau menawarkan utk menjual apa2 lencana atau tanda pasukan Polis atau memakai pakaian seragam pasukan Polis: S 89 A P 67
- Seorang yg berkelakuan buruk, lucah, tak senonoh atau aib di Balai Polis.

10. Apakah 'Tabung Polis' ? Dlm tujuan bagaimanakah tabung Polis boleh digunakan?
(2001, 2007)

- Tabung Polis adalah sebuah tabung yg di tubuhkan dibawah seksyen 81 A P 67 dan ia dikendalikan sebagai akaun amanah (Trust Account) dibawah kumpulan wang Persekutuan.
- Tabung ini memperolehi hasil dari
 1. Denda2 yg dikenakan keatas Pegawai2 Polis dlm tindakan disiplin.
 2. Derma2 atau hadiah2 yg diberi oleh syarikat2 atau badan2 swasta akan diterima oleh KPN.
 3. Wang atau harta yg dilucutkan atas perintah Mahkamah.
 4. Hasil Pelaburan dari Kumpulan Wang
 5. Wang dari pelupusan harta dsb.

- Tabung Polis ini digunakan utk tujuan berikut.
 1. Memberi hadiah kpd Pegawai2 Polis kerana perkhidmatan tambahan atau khas
 2. Bagi memberi kesenangan, keselesaan serta kemudahan kpd pegawai2 Polis.(Police clubs, Police Recreation Centres ETC.
 3. Memberi pinjaman tanpa faedah atas terma2 yg ditetapkan oleh kaedah2 kpd Pegawai2 Polis.
 4. Memberi sumbangan kpd keluarga Polis atas kematian Pegawai2 Polis.

Terima kasih

- SEMOGA BERJAYA